

Federalisme Simetri-Asimetri dalam Konteks Malaysia: Satu Analisis Konseptual

Symmetrical-Asymmetrical Federalism in the Malaysian Context: A Conceptual Analysis

Muhaymin Hakim Abdullah^{1*}, Lutfan Jaes², Mohd Kyizzad Mesran³

^{1,2} Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 84600, MALAYSIA

³ Institut Pengajian Termaju, Universiti Malaya, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 50603, MALAYSIA

*Pengarang Utama: muhaymin@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2025.05.02.005>

Maklumat Artikel

Diserah: 3 Ogos 2025

Diterima: 11 November 2025

Diterbitkan: 28 November 2025

Kata Kunci

Federalisme, Simetri-Asimetri, Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Askar Timbalan Setia Negeri Johor, Sabah, Sarawak

Abstrak

Struktur federalisme Malaysia menampilkan bentuk yang unik dan dinamik apabila prinsip asas federalisme simetri disesuaikan dengan ciri-ciri asimetri bagi mengakomodasi kepelbagaian sejarah, budaya dan realiti geopolitik negeri-negeri tertentu seperti Johor, Sabah dan Sarawak. Artikel ini menjalankan analisis konseptual dan kritis terhadap pendekatan federalisme fleksibel di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada dimensi sejarah, perundangan dan institusi yang membentuk ciri-ciri asimetri tersebut. Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan federalisme Malaysia cenderung bersifat quasi-federal, dengan kecenderungan dominasi pusat yang sering menjejaskan prerogatif negeri. Isu seperti campur tangan persekutuan dalam hal ehwal agama, ketidakseimbangan agihan fiskal serta marginalisasi wilayah luar pusat telah mencetuskan ketegangan pusat-negeri dan meningkatkan sentimen anti-federal. Justeru, artikel ini mencadangkan keperluan reformasi struktur yang meliputi penegasan bidang kuasa negeri, penubuhan suruhanjaya agihan kewangan antara kerajaan, pengukuhan mekanisme semak dan imbang, serta pendidikan sivik mengenai federalisme. Hasil analisis menunjukkan bahawa federalisme asimetri yang dipraktikkan secara konsisten dan inklusif berpotensi memperkukuh integrasi nasional serta mencerminkan keadilan antara wilayah dalam kerangka Persekutuan Malaysia.

Keywords

Federalism, Symmetry-Asymmetry, Federal Constitution, Malaysia Agreement 1963 (MA63), Johor Military Force, Sabah, Sarawak

Abstract

Malaysia's federal structure exhibits a unique and dynamic model, where the foundational principles of symmetrical federalism have been adapted into an asymmetrical form to accommodate the historical, cultural, and geopolitical diversity of certain states such as Johor, Sabah, and Sarawak. This article conducts a conceptual and critical analysis of Malaysia's flexible federalism, focusing on the historical, legal, and institutional foundations that underpin its asymmetrical characteristics.

The study finds that Malaysia operates under a quasi-federal model, with strong central dominance often encroaching upon state prerogatives. Issues such as federal intervention in Islamic affairs, fiscal disparities, and the marginalisation of peripheral regions have triggered centre-state tensions and heightened anti-federal sentiments. Consequently, the article proposes structural reforms, including the reaffirmation of state jurisdiction, the establishment of an independent federal-state fiscal commission, the strengthening of institutional checks and balances, and the advancement of civic education on federalism. The analysis concludes that an inclusive and consistent practice of asymmetrical federalism has the potential to enhance national integration and realise interregional justice within Malaysia's federal framework.

1. Pendahuluan

Federalisme di Malaysia tidak terbentuk melalui evolusi semula jadi sebagaimana yang berlaku dalam model persekutuan klasik seperti di Amerika Syarikat atau Switzerland, sebaliknya ia lahir daripada proses yang sarat dengan kompromi politik, warisan pemerintahan kolonial dan tuntutan untuk menyatukan pelbagai entiti negeri yang mempunyai latar sejarah, budaya dan sistem pemerintahan yang tersendiri. Perkembangan ini turut dipengaruhi oleh keperluan untuk mengekalkan kestabilan dalam masyarakat berbilang kaum, agama dan wilayah, khususnya dalam konteks pasca-penjajahan. Struktur federalisme Malaysia dibentuk dengan mengambil kira warisan struktur pentadbiran British yang berbeza antara Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat, justeru mewujudkan suatu sistem yang tidak seragam sejak awal lagi (Harding, 2012; Mat Arifin & Othman, 2018; Zakwa & Sulaiman, 2023). Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 sebagai reaksi kepada penolakan terhadap *Malayan Union* telah mengesahkan bentuk persekutuan yang mengiktiraf kuasa Raja-Raja Melayu dan dalam masa yang sama meletakkan kuasa eksekutif yang luas di bawah kawalan pusat, satu ciri yang terus diwarisi selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963 (Ghazali, 2019; Mohd Rus, 2017; Tang Abdullah et al., 2019).

Sifat fleksibel federalisme Malaysia dapat dilihat secara jelas melalui pengiktirafan terhadap autonomi tertentu bagi beberapa buah negeri. Negeri Johor, contohnya, tidak hanya mengekalkan institusi raja tetapi juga memiliki pasukan keselamatan dirajanya sendiri, Askar Timbalan Setia Negeri Johor yang turut dikenali sebagai *Johor Military Force* (JMF). Pasukan ini ditubuhkan secara rasmi seawal tahun 1886 dan masih beroperasi hingga kini yang berfungsi dalam kapasiti simbolik askar adat istiadat di bawah Sultan Johor. Ini menunjukkan adanya keistimewaan institusi kenegarian yang tidak ditemui dalam negeri-negeri lain. Sabah dan Sarawak pula memperoleh keistimewaan autonomi dalam hal imigresen, pendidikan dan pengagihan hasil bumi sebagaimana jaminan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai hasil pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) khususnya melalui penyesuaian dalam Jadual Kesembilan dan Akta Malaysia 1963. Ini termasuklah klausa yang membolehkan negeri tersebut mengekalkan undang-undang imigresen tersendiri serta mengawal kemasukan warganegara lain dari Semenanjung ke wilayah mereka (Bala, 2018; Harding, 2021; Tang Abdullah et al., 2019; Tang Abdullah & Mulia, 2018). Autonomi seperti ini tidak sahaja menunjukkan kebijaksanaan politik dalam mengimbangi keperluan perpaduan nasional dengan aspirasi wilayah, malah menjadi bukti penerapan bentuk federalisme asimetri yang berteraskan fleksibiliti (McIntosh, 2023; Tarr, 2011; Watts, 2005).

Namun begitu, fleksibiliti yang sepatutnya menjadi kekuatan dalam konteks federalisme Malaysia juga menimbulkan pelbagai cabaran serta ketegangan antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Dalam sesetengah keadaan, kerajaan persekutuan dilihat melangkaui sempadan kuasa yang sepatutnya diperuntukkan kepada negeri, sama ada melalui penggubalan undang-undang yang menjejaskan prerogatif negeri atau melalui pelaksanaan dasar-dasar yang mengabaikan aspirasi tempatan. Contohnya, isu ketidakseimbangan dalam pengagihan royalti petroleum di Sabah dan Sarawak serta campur tangan kerajaan pusat dalam hal ehwal agama Islam dan pembangunan tanah telah mencetuskan keresahan dalam kalangan rakyat negeri-negeri tersebut, sekali gus mendedahkan kelemahan mekanisme semak dan imbang dalam amalan federalisme di Malaysia (Harding, 2021; Mohd Tayeb & Syed Annuar, 2018; Muslim et al., 2015; Wan Zahari & Shuaib, 2020; Zawawi, 2018). Dalam konteks ini, konsep fleksibiliti bukan sahaja memerlukan peruntukan undang-undang yang membenarkan pengecualian, tetapi juga memerlukan iltizam politik dan sistem pentadbiran yang menghormati sempadan kuasa antara peringkat persekutuan dan negeri.

Sehubungan itu, artikel ini ditulis untuk menganalisis secara mendalam konsep federalisme fleksibel di Malaysia dengan menekankan faktor sejarah dan perundangan yang mendasari ciri-ciri asimetri dalam sistem tersebut. Ia juga bertujuan menilai sejauh mana keberkesanan pendekatan ini dalam mengimbangi kuasa antara pusat dan negeri tanpa mengorbankan semangat persekutuan. Melalui pendekatan konseptual yang menggabungkan sorotan teori serta kajian kes di beberapa buah negeri seperti di Johor, Sabah dan Sarawak. Artikel ini menyarankan agar federalisme yang fleksibel dijadikan asas pengukuhan perpaduan dalam kerangka yang menghormati kelainan struktur, identiti dan aspirasi negeri-negeri dalam Malaysia.

2. Sorotan Teori Federalisme Simetri-Asimetri

Federalisme merupakan suatu bentuk pemerintahan yang menstrukturkan agihan kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri melalui jaminan perlembagaan. Federalisme bukan sahaja menetapkan pembahagian kuasa secara formal, malah menyediakan asas perundangan yang menyelaraskan hubungan antara pelbagai peringkat kerajaan dalam sesebuah negara (Agranoff & McGuire, 2001; Caliso & Flores, 2018; Riker, 1964; Ronald L., 2007; Volden, 2004).

Federalisme simetri lazimnya merujuk kepada sistem persekutuan yang memperuntukkan kuasa secara seragam kepada setiap negeri dalam persekutuan tersebut. Dalam konteks federalisme klasik ini, Riker (1964) melihat federalisme sebagai hasil daripada keperluan strategik, khususnya keperluan ketenteraan dan pengembangan wilayah. Walaupun cenderung kepada pemusatan kuasa, tetap mengekalkan keseragaman untuk menjamin kestabilan dan keadilan dalam pengagihan sumber (Riker, 1964; Volden, 2004). Pandangan ini seiring dengan Wheare (1964) yang menggariskan bahawa pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan negeri perlu ditetapkan melalui perlembagaan dan tidak boleh diubah secara sewenang-wenangnya (Badr Alsamee, 2019; Ebegebulem, 2011; Wheare, 1964). Elazar (1985) pula melihat simetri sebagai elemen asas dalam pembentukan perkongsian kuasa yang kukuh (Elazar, 1985; George S. Blair, 1988), manakala Hueglin (2003) dan Watts (2007) menekankan bahawa keseragaman dasar antara negeri adalah penting untuk kestabilan sistem persekutuan, seperti yang dapat dilihat dalam konteks Kanada (T. Hueglin, 2003; Ronald L., 2007; Simeon, 2011; Tarr, 2011).

Namun, dalam landskap persekutuan moden, semakin banyak negara mengadaptasi pendekatan federalisme asimetri iaitu satu bentuk model yang membenarkan perbezaan tahap autonomi antara negeri berdasarkan faktor sejarah, identiti budaya, komposisi etnik dan keperluan geopolitik (Burgess, 2006; Caliso & Flores, 2018; Karmis & Norman, 2005a; Tarr, 2011; Watts, 2005). Contohnya, wilayah Quebec di Kanada diberikan kuasa eksklusif terhadap skim pencennya melalui *Quebec Pension Plan* serta kawalan imigresen merupakan satu bentuk pengecualian yang tidak diberikan kepada wilayah lain. Keistimewaan ini bukan sahaja bersifat praktikal, malah telah dimeterai melalui perjanjian dua hala dan diperakui oleh norma serta preseden Mahkamah Tertinggi Kanada (Brock, 2005; Brown, 2005; Deller & Maher, 2006; McIntosh, 2023; Sanjaume-calvet, 2016).

Dalam kerangka federalisme simetri seperti di Amerika Syarikat, kesemua negeri tertakluk kepada peruntukan dan undang-undang yang seragam sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan (Greer et al., 2023; Hamilton et al., 2021; T. O. Hueglin & Fenna, 2015). Namun, pelaksanaan federalisme ini tidak terlepas daripada dinamika yang kompleks, khususnya dalam hubungan fiskal antara kerajaan pusat dan tempatan. Salah satu fenomena penting ialah '*flypaper effect*' iaitu kecenderungan kerajaan tempatan untuk meningkatkan perbelanjaan awam apabila menerima bantuan kewangan daripada kerajaan pusat, berbanding apabila menerima hasil daripada sumber sendiri. Fenomena ini telah diperhatikan secara meluas di Amerika Syarikat dan menunjukkan adanya tindak balas yang tidak simetri terhadap bantuan kewangan, terutama dalam bentuk pemberian tanpa syarat (Deller & Maher, 2006; Gamkhar, 2000; Sour, 2013).

Federalisme asimetri berperanan sebagai mekanisme institusi yang membenarkan variasi dalam pembahagian kuasa demi menyesuaikan dengan keunikan sejarah, budaya, ekonomi dan struktur etnik sesuatu wilayah (Gagnon, 2009; Watts, 2005). Konsep ini menawarkan fleksibiliti kepada sistem persekutuan melalui pengaturan khas yang bersifat kontekstual, tanpa menggugat keutuhan struktur keseluruhan. Simeon (1999) menekankan bahawa federalisme perlu bersifat adaptif terhadap perubahan realiti politik dan sosial, manakala Benz dan Colino (2011) mengemukakan pendekatan *institutional layering* yang memperkenalkan pelbagai lapisan pelaksanaan bagi menjamin kesinambungan dan kelestarian sistem (Benz & Colino, 2011; Simeon, 1999). Tambahan pula, Pierson (2000) menyatakan bahawa trajektori sejarah institusi memainkan peranan besar dalam menentukan arah tuju evolusi sistem federalisme sesebuah negara (Pierson, 2000).

Pengamalan federalisme asimetri dapat dikesan dalam pelbagai negara seperti Kesatuan Eropah, Rusia, United Kingdom, Itali dan Amerika Syarikat, yang masing-masing menunjukkan variasi autonomi wilayah yang berbeza. Dalam negara-negara persekutuan beraja seperti Kanada, Australia dan Belgium, federalisme asimetri menjadi instrumen penting untuk mengekalkan identiti budaya dan linguistik yang pelbagai. Quebec, misalnya, diberi keistimewaan dalam penggunaan bahasa Perancis dan sistem undang-undang tersendiri sebagai pengiktirafan kepada sejarah dan identiti uniknya (M. Abdullah & Jaes, 2024; Paquin, 2023).

Di Malaysia, ciri-ciri asimetri turut wujud dalam bentuk pengiktirafan keistimewaan tertentu kepada negeri seperti Sabah, Sarawak dan Johor. Sebagai contoh, kawalan imigresen di Sabah dan Sarawak serta kewujudan pasukan keselamatan adat istiadat diraja, Askar Timbalan Setia Negeri Johor (ATSNJ) merupakan manifestasi pelapisan institusi yang menggambarkan perbezaan autonomi tanpa menjejaskan struktur asas persekutuan (Abdullah et al., 2021; Mat Arifin & Othman, 2018; Tang Abdullah & Mulia, 2018). Secara keseluruhan, federalisme asimetri berpotensi memperkukuh integrasi nasional yang lebih inklusif dan kontekstual. Namun demikian, pelaksanaannya menuntut kehati-hatian agar fleksibiliti yang diberikan tidak menghakis kesatuan dan legitimasi sistem persekutuan itu sendiri.

3. Federalisme Malaysia

Dalam konteks Malaysia, federalisme bukanlah suatu struktur yang wujud secara semula jadi, sebaliknya terbentuk melalui proses kolonial dan rundingan politik yang kompleks. Pada peringkat awal penjajahan British, Tanah Melayu dibahagikan kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB), mencerminkan struktur persekutuan yang bersifat longgar dan berbeza tahap autonominya. Negeri seperti Perak dan Selangor berada di bawah sistem Residen British, manakala Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis mengekalkan status lebih autonomi melalui perjanjian bilateral dengan British (Ghazali, 2019; Harding, 2021; Mat Arifin & Othman, 2018; Mohd Basri & Haron, 1978; Sinclair, 1967). Keadaan ini membentuk asas federalisme di Malaysia yang fleksibel, membenarkan kelainan dalam pengagihan kuasa antara negeri.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 menandakan penginstitutionan kompromi tersebut, apabila kuasa Raja-Raja Melayu dan autonomi negeri dipelihara, namun kerajaan pusat diberikan dominasi dalam bidang eksekutif dan fiskal (Harding, 2012; Mohd Rus, 2017). Pembentukan Malaysia pada 1963 pula mengembangkan prinsip federalisme ini kepada dimensi yang lebih asimetri, khususnya melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang memberikan Sabah dan Sarawak keistimewaan autonomi dalam hal imigresen, hasil negeri, dan perlindungan hak pribumi (Ahmad Tajudin et al., 2021; Bala, 2018; Dollah et al., 2018; Tang Abdullah et al., 2019; Yunus, 2022).

Pemerhatian semasa menunjukkan bahawa pelaksanaan federalisme di Malaysia tidak sepenuhnya bersifat simetri. Walaupun Sarawak terus memperkukuh autonominya melalui dasar devolusi, Sabah sebaliknya menyaksikan erosi kuasa akibat campur tangan pusat yang berterusan (Gawan & Puyok, 2021; Harding, 2021; Johon & Puyok, 2022). Dalam kerangka ini, sistem Persekutuan Malaysia boleh disifatkan sebagai 'federalisme fleksibel' iaitu struktur yang menggabungkan keperluan nasional dengan tuntutan identiti dan kepentingan negeri mengikut konteks (Ronald L., 2007). Pendekatan asimetri ini mencerminkan kesediaan untuk menyesuaikan pentadbiran dengan faktor sejarah, geografi dan demografi, namun tanpa menstrukturkan keseluruhan sistem kepada satu bentuk tunggal.

Dari sudut perlembagaan, walaupun istilah 'federalisme' tidak disebut secara eksplisit, struktur Perlembagaan Persekutuan memperlihatkan ciri sistem persekutuan yang jelas. Bahagian IV hingga XIIA dan Jadual Kesembilan menetapkan pembahagian bidang kuasa melalui Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama (A.Aziz, 2021; Mat Arifin & Othman, 2018; Perlembagaan Persekutuan, 2022). Pembahagian ini bertujuan menyeimbangkan keperluan pentadbiran pusat dan keunikan negeri dalam kerangka hubungan dua hala yang harmoni (Ahmad Tajudin et al., 2021; Mat Arifin & Othman, 2018; Tang Abdullah et al., 2019).

Secara keseluruhannya, federalisme Malaysia bukan sahaja bersifat simetri-asimetri tetapi juga dinamik, mencerminkan keseimbangan antara struktur formal dan realiti tempatan yang kompleks. Namun keberkesanan model ini bergantung kepada kesinambungan reformasi, termasuk pemerkasaan institusi kehakiman, pendidikan sivik dan komitmen politik untuk mengekalkan semangat persekutuan sebagaimana yang dipersetujui pada awal pembentukannya.

3.1 Fleksibiliti Federalisme di Malaysia

Kerangka Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui Jadual Kesembilan memperincikan pengagihan bidang kuasa kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri antaranya hal ehwal seperti pertahanan, kewangan dan pendidikan merupakan bidang eksklusif Persekutuan, manakala agama Islam, tanah dan sumber air adalah prerogatif kerajaan negeri (Mat Arifin & Othman, 2018; Mohd Tayeb & Syed Annuar, 2018; Perlembagaan Persekutuan, 2022). Walau bagaimanapun, pelaksanaan struktur ini tidak bersifat mutlak. Sebaliknya, ia menunjukkan ciri fleksibiliti yang ketara, mencerminkan bentuk federalisme asimetri yang membenarkan pengecualian berdasarkan keperluan dan identiti tempatan.

Sabah dan Sarawak merupakan contoh utama pelaksanaan fleksibiliti ini, khususnya melalui hak kawalan imigresen serta bidang kuasa eksklusif terhadap perolehan hasil petroleum dan gas (Harding, 2021; Loh, 2010; Tang Abdullah & Mulia, 2018). Namun, kajian mendapati bahawa walaupun hak-hak ini termaktub dalam

Perlembagaan dan Perjanjian Malaysia 1963, pelaksanaannya sering menghadapi ketidakkonsistenan. Isu seperti kadar royalti minyak yang rendah, pembangunan yang tidak seimbang dan campur tangan pusat telah menimbulkan sentimen anti-federal dalam kalangan rakyat Sabah (Ahmad Tajudin & Yusoff, 2020; Esa & Ationg, 2020; Ismail & Yusoff, 2022a). Dominasi pentadbiran pusat sering menghakis ciri-ciri asimetri ini, menjadikan autonomi yang diberikan lebih simbolik daripada substantif (Gawan & Puyok, 2021; Harding, 2021; Johon & Puyok, 2022).

Selain Sabah dan Sarawak, fleksibiliti federalisme turut terzahir di negeri-negeri Semenanjung. Johor, misalnya, mengekalkan pasukan keselamatan adat istiadat dirajanya sejak era pra-persekutuan iaitu Askar Timbalan Setia Negeri Johor (ATSNJ) atau lebih dikenali sebagai *Johor Military Forces* (JMF). Pasukan ini ditubuhkan pada 1886 dan masih berfungsi hari ini sebagai institusi keselamatan istiadat serta simbol kedaulatan negeri (Kamil, 2017; Ramli, 2018; Tunku Sulaiman, 2014). Fungsi praktikal JMF seperti pengawalan istana dan askar adat istiadat menjadikannya entiti kuasi-federal yang jarang ditemui dalam sistem negeri lain. Kajian mendapati bahawa kewujudan JMF melambangkan 'residu kedaulatan' negeri yang masih sah dalam kerangka federalisme Malaysia (Abdullah et al., 2021; Mustajab, 1989; Wan Husain, 2018).

Proses penyeragaman ini berakar daripada gagasan federalisme klasik yang menekankan peri pentingnya struktur pusat yang kukuh serta dasar yang seragam untuk menjamin kestabilan dan integrasi nasional (Hamilton et al., 2021). Namun, dalam kerangka federalisme asimetri, pengurangan fungsi JMF boleh dilihat sebagai sebahagian daripada pelarasan institusi yang diakui oleh teori federalisme yang lebih fleksibel. Ini kerana federalisme bukan sekadar pemusatan kuasa, tetapi juga menuntut ruang rundingan antara pusat dan negeri melalui autonomi yang tersusun bagi mengelakkan konflik struktur (Elazar, 1985; George S. Blair, 1988; Ronald L., 2007). Kewujudan JMF dalam bentuk yang terhad pasca-pengurangan autonomi tersebut boleh ditafsir sebagai bentuk kompromi politik yang menghormati warisan dan identiti simbolik negeri Johor, selagi tidak menjejaskan kerangka keselamatan nasional.

Negeri Sembilan pula memperlihatkan fleksibiliti persekutuan dari dimensi budaya dan adat. Sistem Adat Perpatih yang mengatur pentadbiran pusaka dan pelantikan Undang menjadi bukti bahawa bentuk federalisme Malaysia turut membenarkan integrasi warisan tradisi ke dalam sistem pentadbiran negeri (Faruqi, 2008; Mat Arifin & Othman, 2018; Shamsuddin Ahmad et al., 2019). Ini menunjukkan bahawa federalisme fleksibel tidak semata-mata berpaksikan pada agihan undang-undang, tetapi juga pada pengiktirafan terhadap warisan kenegaraan yang unik (M. Abdullah & Jaes, 2024; Mat Arifin & Othman, 2018).

Secara keseluruhan, federalisme asimetri di Malaysia menyediakan mekanisme untuk menyesuaikan struktur persekutuan dengan latar sosial, budaya dan sejarah negeri-negeri tertentu. Hak eksklusif ke atas imigresen dan hasil bumi di Sabah dan Sarawak, pengekalan pasukan keselamatan istiadat di Johor dan pelaksanaan sistem adat di Negeri Sembilan, semuanya menggambarkan pendekatan yang dinamik terhadap federalisme. Mengambil kira dinamika ini, fleksibiliti federalisme di Malaysia perlu dilihat sebagai proses yang berkembang. Ia bukan sekadar pengecualian bersifat '*ad hoc*', tetapi seharusnya dilaksanakan secara konsisten dan berasaskan prinsip perundangan yang kukuh. Federalisme asimetri berpotensi menjadi mekanisme yang berkesan dalam menyatukan negara yang bersifat majmuk, dengan syarat prinsip pemerintahan sendiri (*self-rule*) dan pemerintahan bersama (*shared-rule*) dipelihara secara teliti dan berterusan (Deller & Maher, 2006; T. Hueglin, 2003; Tarr, 2011; Watts, 2005). Maka, Malaysia berpotensi menjadi model federalisme unik di rantau ini, dengan syarat bahawa fleksibiliti yang diberikan bukan hanya diiktiraf di atas kertas, tetapi turut dipraktikkan secara efektif dalam urusan pentadbiran pusat-negeri.

4. Cabaran dan Implikasi

Dalam kerangka teoritikal klasik, federalisme ditakrifkan sebagai mekanisme pembahagian kuasa secara formal antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri untuk menyeimbangkan integrasi nasional dengan autonomi subnasional. Model ini menekankan struktur pemerintahan dwi-kerajaan yang jelas dan dilindungi oleh perlembagaan. Namun, dalam praktik moden, bentuk federalisme semakin kompleks dan pelbagai akibat pengaruh sejarah kolonial, budaya politik tempatan serta struktur institusi yang unik bagi setiap negara. Evolusi ini mencerminkan peralihan daripada model normatif kepada pendekatan yang lebih adaptif dan pragmatik (Ahmad Tajudin & Mohamed Noor, 2021; Erk & Swenden, 2010; T. O. Hueglin & Fenna, 2015; Mat Arifin & Othman, 2018; Satyanarayana, 2011).

Di Malaysia, federalisme sering ditampilkan sebagai suatu bentuk fleksibiliti institusional yang membolehkan agihan kuasa disesuaikan mengikut keperluan semasa tanpa mengubah struktur asas negara persekutuan. Walaupun naratif ini memberikan kelebihan dari sudut kestabilan politik dan keupayaan responsif terhadap perubahan, ia turut menimbulkan kekaburan dalam sempadan kuasa, terutamanya dalam bidang-bidang strategik seperti keselamatan, pertahanan, pendidikan, kesihatan dan perancangan pembangunan. Dominasi kerajaan pusat yang sering mengatasi semangat perkongsian kuasa telah mencetuskan ketegangan dalam hubungan Persekutuan-Negeri, sekali gus memperlihatkan bahawa pelaksanaan federalisme di Malaysia tidak hanya berpaksikan peruntukan undang-undang, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor politik, pentadbiran

dan kekuatan institusi di pelbagai peringkat pemerintahan (Ahmad Tajudin & Yusoff, 2020; Md. Khalid et al., 2021; Wan Zahari & Shuaib, 2020; Zakwa & Sulaiman, 2023; Zawawi, 2018).

Oleh itu, analisis ini menumpukan kepada dimensi kritikal pelaksanaan federalisme di Malaysia, khususnya dalam aspek agihan kuasa, peranan institusi pemerintahan dan keberkesanan sistem semak dan imbang. Kajian kes tempatan yang menunjukkan ketegangan antara kerajaan pusat dan negeri akan dijadikan asas untuk memahami cabaran substantif dalam menjayakan tadbir urus federalisme yang inklusif, adil dan berfungsi secara demokratik.

4.1 Campur Tangan Persekutuan Terhadap Autonomi Negeri

Federalisme di Malaysia secara prinsipnya dibina atas asas pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri, sebagaimana digariskan dalam Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Dalam kerangka ini, agama Islam diperuntukkan sebagai urusan Negeri, dengan Raja-Raja Melayu bertindak sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing (Muslim, 2013; Wan Husain, 2017). Namun begitu, pelaksanaan sistem ini memperlihatkan ketidakseimbangan kuasa yang ketara, khususnya dalam aspek hal ehwal Islam, apabila undang-undang yang digubal oleh negeri sering kali terikat kepada had dan batasan yang ditentukan oleh undang-undang Persekutuan (Ahmad Bustami, 2018; Megat Latif & Abdullah, 2008; Perlembagaan Persekutuan, 2022).

Meskipun negeri memiliki kuasa untuk menggubal enakmen berkaitan perkahwinan, perceraian, pewarisan, wakaf, dan jenayah syariah, kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman tetap tertakluk kepada peruntukan Akta 355 iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Akta ini mengehadkan bidang kuasa mahkamah kepada maksimum hukuman denda sebanyak RM5,000, penjara selama tiga tahun dan enam kali sebatan. Batasan ini bukan sahaja mengehadkan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam secara substantif, malah menimbulkan pertikaian terhadap keutuhan prinsip federalisme dalam konteks syariah (Kamali, 2000; Mohd Sabree, 2018).

Situasi ini lebih jelas dalam kes Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan tetapi gagal dikuatkuasakan sepenuhnya kerana memerlukan pindaan kepada Akta 355 terlebih dahulu. Hal ini memperlihatkan bahawa kuasa negeri dalam hal ehwal Islam bukanlah mutlak, bahkan memerlukan kelulusan di peringkat Persekutuan untuk pelaksanaannya. Kebergantungan ini menjadikan pelaksanaan undang-undang Islam negeri terhad kepada kehendak dan kesediaan politik di peringkat pusat (Kamali, 2000; Sisters in Islam et al., 2024; Yusof, 2001).

Tambahan pula, ketiadaan mekanisme pengharmonian antara undang-undang negeri dan persekutuan, serta dominasi peranan institusi persekutuan seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), turut mengehadkan autonomi perundangan negeri (Kamali, 2000; Shuaib, 2012). Ruang yang terbatas untuk perbincangan dan penyelarasan antara kerajaan pusat dan negeri dalam hal ehwal Islam menyebabkan pelaksanaan syariah sering kali bersifat fragmentari dan tidak menyeluruh (Ahmad Khasasi et al., 2019; Muslim, 2013, 2014; Muslim et al., 2015; Nurhafilah Musa, 2013).

Ketegangan antara persekutuan dan negeri juga terserlah dalam isu pendidikan agama di negeri Kelantan, apabila kerajaan Persekutuan campur tangan dalam tradisi sekolah pondok. Isu ini bukan sekadar menunjukkan pertembungan dasar, malah mencerminkan perebutan kuasa dan ketegangan politik antara dua peringkat kerajaan (Mohd Tayeb & Syed Annuar, 2018). Dalam hal ini, meskipun campur tangan kerajaan pusat memerlukan perkenan Raja-Raja Melayu, terdapat kecenderungan untuk kerajaan persekutuan melangkaui sempadan bidang kuasa negeri, sekali gus menimbulkan persoalan tentang kesahihan amalan federalisme sebenar (Ahmad Khasasi et al., 2019; Muslim, 2014; Muslim et al., 2015).

4.2 Dominasi Politik Pusat dan Ketidakseimbangan Agihan Sumber

Selain itu, isu berkaitan royalti petroleum di negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak terus menjadi manifestasi jelas kepada ketidakseimbangan struktur dalam agihan hasil sumber antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Negeri-negeri ini sering mendakwa bahawa mereka tidak menerima agihan yang setimpal dengan sumbangan ekonomi yang disumbangkan kepada negara melalui hasil petroleum. Misalnya, Sabah dan Sarawak yang merupakan penyumbang utama kepada pendapatan negara melalui industri minyak dan gas, telah lama menuntut pembahagian royalti petroleum yang lebih adil berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Namun, tuntutan ini seringkali dibayangi oleh pertimbangan politik yang bersifat ideologikal serta hubungan partisan antara kerajaan pusat dan negeri. Dalam konteks ini, terdapat corak tertentu yang menunjukkan bahawa negeri yang diperintah oleh parti bukan kerajaan persekutuan cenderung menerima layanan yang kurang menguntungkan dari segi peruntukan dan bantuan pembangunan (Md. Khalid et al., 2021; Muslim et al., 2015; Wan Zahari & Shuaib, 2020; Wee, 2022; Zawawi, 2018).

Perbezaan tafsiran terhadap peruntukan perlembagaan yang berkaitan dengan agihan hasil, terutamanya dalam Artikel 112C dan Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan, turut menjadi sumber ketegangan antara kerajaan pusat dan negeri. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa kelemahan dari segi kejelasan peruntukan dan interpretasi perlembagaan telah memberikan ruang kepada kerajaan pusat untuk menggunakan kuasa budi bicara dalam menentukan kadar dan bentuk agihan, sekali gus menjejaskan prinsip federalisme yang menekankan keadilan antara wilayah (Faruqi, 2008; Harding, 2012; Perlembagaan Persekutuan, 2022; Puyok, 2024).

Situasi ini menjadi lebih kompleks apabila dihubungkan dengan campur tangan langsung kerajaan pusat dalam urusan pentadbiran negeri. Di negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang, seperti Perak selepas Pilihan Raya Umum ke-12, campur tangan persekutuan menjadi semakin nyata. Pelantikan pegawai Ex-Officio oleh kerajaan pusat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah dilihat sebagai strategi untuk menyekat autonomi negeri dan mengawal dasar-dasar negeri yang mungkin bertentangan dengan kepentingan politik pusat. Krisis politik Perak pada tahun 2009, yang menyaksikan kejatuhan kerajaan negeri akibat fenomena lompat parti dan keabsahan Menteri Besar diputuskan oleh mahkamah, memperlihatkan betapa mudahnya struktur federalisme Malaysia dimanipulasi untuk tujuan politik (Junaidi Awang Besar et al., 2010; Rahim et al., 2020).

Fenomena ini menunjukkan bahawa federalisme di Malaysia secara de facto cenderung beroperasi dalam bentuk 'quasi-federalisme' iaitu satu model yang menyerupai sistem persekutuan tetapi memperuntukkan dominasi yang jelas kepada kerajaan pusat dalam pelbagai aspek dasar dan pengurusan sumber. Model ini berakar umbi daripada legasi penjajahan British yang sengaja mewujudkan struktur pentadbiran yang berpusat bagi tujuan pengawalan politik dan keselamatan (N. Abdullah & Zahrin, 2005; Md. Khalid et al., 2021; Zawawi, 2018). Walaupun pendekatan ini dilihat berkesan dalam menjamin kestabilan nasional, ia turut membawa implikasi besar terhadap prinsip keadilan antara wilayah, ketelusan dalam pengagihan sumber, dan kelestarian hubungan antara kerajaan pusat dan negeri.

Malah, terdapat pandangan bahawa dominasi pusat ini bukan sahaja menjejaskan agihan sumber, tetapi juga menyumbang kepada peminggiran wilayah luar bandar dan kawasan yang tidak sehaluan dengan kerajaan persekutuan dari segi pembangunan fizikal dan infrastruktur (Mohamed Osman & Ali, 2018; Mohd Tayeb & Syed Annuar, 2018; Muslim et al., 2015; Puyok, 2024; Zawawi, 2018). Justeru, tanpa reformasi institusi yang menjamin pembahagian kuasa yang lebih saksama dan pelaksanaan prinsip federalisme secara substantif, sistem persekutuan Malaysia akan terus kekal sebagai struktur yang retorik dan rapuh, terdedah kepada manipulasi politik serta ketidakstabilan jangka panjang.

Namun, walaupun kerajaan negeri dan pusat dipimpin oleh parti yang sama, pertentangan tetap wujud akibat perbezaan kepentingan, struktur parti dan strategi pembangunan ekonomi. Kajian Hutchison (2015) memberi tumpuan kepada Johor dalam tiga fasa masa (1986–1995, 1995–2004, dan 2005–2013), dengan meneliti bagaimana kepimpinan negeri membuat keputusan dalam konteks dominasi pusat dan struktur dalaman UMNO yang berpusat. Ia turut menyentuh peranan kesultanan Johor sebagai aktor ketiga yang semakin signifikan dalam hubungan ini (Hutchinson, 2015). Kajian ini menunjukkan wujudnya konflik substantif melibatkan prerogatif negeri seperti pelaburan dan pengurusan air, sekali gus mencabar tanggapan harmoni intra-parti. Selain itu, halatuju kerjaya pemimpin negeri lebih ditentukan oleh elit pusat berbanding mandat rakyat, memperlihatkan dominasi pusat yang berlapis dalam sistem politik berparti dominan.

4.3 Isu Pembubaran JMF dan Krisis Perlembagaan

Malaysia pernah mengalami konflik Persekutuan-Negeri melibatkan prerogatif Raja-Raja Melayu khususnya di Johor yang melibatkan pasukan keselamatan adat istiadat negeri iaitu Askar Timbalan Setia Negeri Johor atau lebih dikenali sebagai *Johor Military Force* (JMF). Institusi ini telah berdepan dengan dua episod konflik utama yang memberi kesan mendalam terhadap kesinambungan dan legitimasi kewujudan JMF dalam kerangka pemerintahan persekutuan di Malaysia. Kedua-dua konflik ini mencerminkan ketegangan yang mendasari hubungan antara kuasa negeri dan pusat, sekali gus memperlihatkan bagaimana pertembungan tersebut menjadi medan eksperimen terhadap pelaksanaan federalisme dan konsep kedaulatan dalam konteks negara pascakolonial yang sedang mencari bentuk identiti persekutuan yang mapan (Abdullah et al., 2021; Ghazali, 2019; Lim, 1995; Mohd Rus, 2017).

Konflik pertama tercetus susulan pembentukan Kesatuan Malaya (*Malayan Union*) pada 1946, yang kemudiannya digantikan oleh Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada 1948. Kedua-dua perjanjian ini membawa kepada konsensus bahawa urusan berkaitan pertahanan dan keselamatan harus diseragamkan di bawah kawalan pusat. Ini sekali gus mengukuhkan keutamaan kerajaan Persekutuan dalam hal ehwal keselamatan dan pertahanan negara, menandakan berakhirnya era kuasa ketenteraan negeri secara mutlak serta mengecilkan peranan JMF daripada pasukan tentera negeri yang berfungsi secara bebas kepada pengawal peribadi Sultan (*Sultan Own Boduguard*) dan askar adat istiadat negeri Johor (Mat Arifin & Othman, 2018; Mohd Rus, 2017; Ramli, 2018; Tunku Sulaiman, 2014).

Konflik kedua pula tercetus pada awal 1990-an, susulan krisis perlembagaan yang membawa kepada pindaan Perlembagaan Persekutuan 1993 yang memansuhkan kekebalan undang-undang serta mengurangkan keistimewaan Raja-Raja Melayu dengan mewujudkan Mahkamah Khas (Ghazali, 2019; Lim, 1995). Tekanan politik yang serius sehingga perbahasan di Parlimen mencetuskan kepada pindaan perlembagaan yang bersifat radikal, termasuk cadangan pembubaran pasukan JMF dan pemansuhan Enakmen negeri berkaitannya (Dewan Rakyat, 1993; Kimura & Rikuo, 2017; Ong, 1999; Ramli, 2018). Namun usaha ini tidak diteruskan tetapi memberi kesan terhadap penstrukturan organisasi pasukan (Abdullah et al., 2021).

Secara keseluruhan, kedua-dua konflik ini menggambarkan dinamik kompleks dalam menyeimbangkan hubungan antara autonomi negeri, kedudukan institusi diraja dan struktur persekutuan negara. Dalam konteks Malaysia, polemik yang menyelubungi kedudukan JMF memperlihatkan pertentangan nilai antara keperluan keseragaman Persekutuan dan tuntutan keunikan negeri (Brock, 2005; Harding, 2021; Tarr, 2011). Keputusan untuk mengekalkan institusi JMF walaupun selepas krisis mencerminkan kompromi antara keperluan politik dan perundangan, yang akhirnya memperkukuh model federalisme asimetri yang lebih pragmatik, berlapis dan inklusif (Abas, 2015; Ahmad Tajudin et al., 2021; Tarr, 2011).

4.4 Sentimen 'Anti Federal' di Sabah

Meskipun Malaysia ditubuhkan dengan asas federalisme melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), pelaksanaan prinsip persekutuan terhadap Sabah dan Sarawak telah menunjukkan pelbagai kelompangan struktur dan amalan. Sejarah pembentukan Malaysia menempatkan Sabah dan Sarawak bukan sekadar sebagai dua buah negeri dalam entiti Persekutuan, tetapi sebagai entiti penting dalam pembentukan Malaysia yang dijamin bentuk-bentuk autonomi tertentu melalui Perjanjian Malaysia 1963 atau *Malaysia Agreement 1963* (MA63), termasuk dalam aspek imigresen, pendidikan, kewangan dan sumber asli (Bala, 2018; Tang Abdullah et al., 2019). Namun, selepas lebih enam dekad penyertaan dalam Persekutuan Malaysia, pelaksanaan autonomi tersebut kekal dipertikaikan dan dilihat gagal memenuhi janji asal yang termaktub (Gawan & Puyok, 2021; Johon & Puyok, 2022). Contohnya, bidang kuasa pendidikan yang masih di bawah dominasi Persekutuan kerana MA63 tidak memberikan kuasa eksklusif pendidikan kepada Sabah dan Sarawak secara kekal (Bala, 2018; Tang Abdullah et al., 2019; Tang Abdullah & Mulia, 2018).

Lebih membimbangkan, desentralisasi yang dijanjikan dalam MA63 sering kali dijadikan bahan retorik politik terutama ketika pilihan raya umum. Misalnya, dalam PRU-14, pelaksanaan MA63 digunakan secara strategik dalam manifesto tanpa pelan tindakan konkrit dan berjangka panjang (Tang Abdullah & Mulia, 2018). Ketidakselarasan dokumen sejarah ini dengan konteks zaman kini telah menjejaskan keabsahan tuntutan tersebut di mata masyarakat umum, sekali gus melemahkan kepercayaan terhadap federalisme sebagai suatu sistem tadbir urus yang adil dan relevan.

Sejak 2022, beberapa reformasi telah dilaksanakan, antaranya pindaan kepada Perkara 1(2) dan 160(2) Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Sabah dan Sarawak sebagai entiti rakan setaraf. Langkah ini disusuli dengan penubuhan Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 (MTPMA63) yang telah menyelesaikan sembilan tuntutan berkaitan termasuk kawalan terhadap pengurusan gas, pelabuhan, kehakiman negeri dan tenaga elektrik (Puyok, 2024). Walaupun menunjukkan kemajuan dari segi struktur pentadbiran, kebanyakan tuntutan masih bersifat teknikal dan tidak menjurus kepada reformasi institusi menyeluruh seperti pengagihan hasil minyak dan gas, atau pengembalian kuasa legislatif dalam bidang pendidikan dan percukaian.

Dalam konteks sosial-politik, pertikaian terhadap pelaksanaan MA63 telah menimbulkan pelbagai bentuk reaksi, termasuk gerakan akar umbi seperti "Sabah Sarawak Keluar Malaysia", serta slogan seperti "Negara, bukan Negeri". Kebangkitan sentimen anti-federal akibat ketidakseimbangan royalti minyak, campur tangan pusat dan pembangunan tidak seimbang mencerminkan ketidakpuasan terhadap status dan layanan dari kerajaan pusat (Ismail & Yusoff, 2022c; Saiful Sinring & Govindasamy, 2018). Kajian mengenalpasti lima punca utamanya iaitu royalti, imigrasi, jurang pembangunan, isu keamanan dan kerangka status Sabah dalam Persekutuan. Sebagai contoh, Sabah hanya menerima royalti lima peratus seperti yang ditetapkan di jadual asli MA63 iaitu nilai yang dianggap tidak adil berbanding sumbangan besar negeri terhadap pendapatan negara (Ismail & Yusoff, 2022a).

Sentimen anti-pusat ini juga semakin meningkat apabila perasaan keterpinggiran ekonomi dan pembangunan terus menjadi isu utama rakyat Sabah dan Sarawak. Kajian oleh Azziyadi dan Agus (2022) mengaitkan perkara ini dengan xenofobia politik, iaitu persepsi bahawa kerajaan pusat adalah 'asing' dan mengabaikan hak negeri (Ismail & Yusoff, 2022b). Ini bukan sahaja menggugat integriti hubungan persekutuan-negeri, malah menyumbang kepada ketegangan etnik dan ketidakstabilan politik serantau. Ini memperlihatkan bahawa tanpa mekanisme semak dan imbangan yang kukuh, fleksibiliti boleh membawa implikasi serius terhadap kesatuan negara dan keharmonian nasional.

Walaupun MA63 menjamin autonomi Sabah dan Sarawak, pelbagai cabaran telah melemahkan kedudukan tersebut. Antaranya ialah sentralisasi kuasa oleh Persekutuan, peminggiran status 'rakan setara' selepas pindaan Perlembagaan 1976, ketidakseimbangan perwakilan Parlimen, serta royalti minyak yang tidak adil (Puyok,

2024). Sabah lebih terkesan akibat perpecahan politik dalaman dan pengaruh parti pusat seperti UMNO, manakala Sarawak mengekalkan kestabilan politik dan dominasi parti tempatan. Implikasinya, Sarawak berjaya memperkukuh autonomi secara beransur-ansur, manakala Sabah masih bergelut untuk memperoleh semula hak-hak asalnya dalam kerangka federalisme.

5. Cadangan Reformasi ke Arah Federalisme yang Seimbang dan Inklusif

Federalisme di Malaysia terbentuk dalam suatu acuan yang unik, namun pelaksanaannya sering kali lebih bersifat simbolik (nominal) daripada berfungsi sepenuhnya (substansif). Walaupun Perlembagaan Persekutuan secara asasnya menggariskan pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, pelaksanaan sebenar menunjukkan penumpuan kuasa yang ketara di peringkat pusat, sekali gus menjejaskan semangat federalisme yang tulen. Keadaan ini menonjolkan keperluan mendesak untuk reformasi menyeluruh ke arah suatu bentuk federalisme yang lebih seimbang, inklusif dan responsif terhadap kepelbagaian wilayah serta realiti sosio-politik negara.

Secara asasnya, federalisme lahir daripada kompromi politik antara entiti politik yang ingin mengekalkan autonomi masing-masing dengan keperluan untuk membentuk sebuah negara bersama (Riker, 1964; Volden, 2004). Kewujudan federalisme yang autentik bergantung pada pembahagian kuasa yang kukuh dan tidak boleh diubah sewenang-wenangnya oleh mana-mana peringkat kerajaan (Wheare, 1964). Namun dalam konteks Malaysia, prinsip asas ini masih belum diamalkan secara menyeluruh. Oleh itu, bagi memperkukuh model federalisme fleksibel yang diamalkan, beberapa pendekatan strategik boleh dipertimbangkan:

5.1 Penegasan Bidang Kuasa Negeri

Asas kepada reformasi sistem federalisme di Malaysia terletak pada keperluan untuk memperkukuh prinsip desentralisasi kuasa yang menjadi tunjang kepada struktur persekutuan. Secara teorinya, federalisme sama ada dalam bentuk simetri atau asimetri memerlukan pemisahan bidang kuasa yang jelas dan dihormati antara peringkat persekutuan dan negeri (Watts, 2008; Wheare, 1964). Dalam konteks Malaysia, hal ini amat kritikal dalam bidang yang telah diperuntukkan secara eksklusif kepada negeri seperti hal ehwal Islam, adat istiadat Melayu, tanah dan kerajaan tempatan, sebagaimana yang termaktub dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (Mat Arifin & Othman, 2018; Perlembagaan Persekutuan, 2022).

Namun, dalam pelaksanaan semasa, wujud penyimpangan institusional apabila kerajaan pusat melaksanakan undang-undang dan dasar yang melampaui bidang kuasa negeri. Fenomena ini menunjukkan pergeseran ke arah pemusatan kuasa (*centralization*) yang bercanggah dengan semangat federalisme, terutamanya dalam negara yang mengamalkan federalisme asimetri seperti Malaysia (Agranoff & McGuire, 2001). Campur tangan sedemikian bukan sahaja mencabul autonomi negeri, malah berpotensi melemahkan keabsahan persekutuan itu sendiri.

Kejayaan federalisme asimetri memerlukan pengiktirafan berstruktur terhadap perbezaan wilayah, termasuk sejarah, budaya, agama dan sistem pemerintahan tempatan (Carrière, 2021; Greer et al., 2023). Dalam konteks Malaysia, Perkara 3, 74 dan 181 Perlembagaan Persekutuan menyediakan asas normatif untuk melindungi kuasa negeri dalam hal-hal tertentu. Namun, keberkesanan perlindungan ini bergantung pada komitmen politik persekutuan untuk menghormati sempadan kuasa dan tidak mencabuli peranan Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama negeri tanpa persetujuan yang sah (Mat Arifin & Othman, 2018; Perlembagaan Persekutuan, 2022). Hal ini penting bagi menjamin integriti sistem persekutuan dan mengelakkan campur tangan politik pusat dalam hal-ehwal tempatan yang sensitif dan berakar dalam identiti negeri.

Ketelusan sempadan kuasa adalah elemen asas dalam memastikan keberkesanan federalisme asimetri yang mana autonomi wilayah tertentu seperti Sabah, Sarawak, atau negeri-negeri lain seperti Johor, Kelantan dan sebagainya perlu dihormati dalam kerangka perundangan yang jelas (Carrière, 2021; Greer et al., 2023; Karmis & Norman, 2005a; Rozali et al., 2020). Justeru, reformasi perlu merangkumi penegasan semula bidang kuasa negeri serta mekanisme pengawasan terhadap campur tangan pusat yang melampaui batas. Sebagai contoh, Sabah dan Sarawak telah diberikan kuasa yang lebih besar melalui peruntukan khas dalam Perlembagaan dan perjanjian Malaysia 1963 (MA63), sekali gus menandakan satu bentuk federalisme asimetri yang sah dari segi perundangan. Namun, negeri-negeri lain seperti Johor dan Kelantan juga mempunyai sejarah dan struktur institusi tersendiri yang memerlukan pengiktirafan keunikan dalam kerangka federalisme nasional (Caliso & Flores, 2018; Karmis & Norman, 2005a).

Sehubungan itu, reformasi terhadap struktur federalisme di Malaysia menuntut langkah-langkah konkrit yang dapat meneguhkan kembali prinsip desentralisasi secara lebih menyeluruh dan efektif. Pertama, bidang kuasa negeri perlu ditegaskan semula bukan sahaja dalam bentuk peruntukan perundangan, tetapi juga melalui pelaksanaan praktikal yang menjamin autonomi sebenar di peringkat negeri. Ini penting bagi mengelakkan

pelanggaran sistematis terhadap Senarai Negeri sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedua, mekanisme semak dan imbang yang bersifat institusional perlu diwujudkan bagi membendung kecenderungan campur tangan pusat, termasuk penubuhan saluran aduan antara kerajaan serta pelaksanaan semakan kehakiman yang bebas dan telus terhadap isu pelanggaran kuasa antara peringkat kerajaan. Ketiga, reformasi ini juga harus mengukuhkan kedudukan institusi Raja-Raja Melayu dan Dewan Undangan Negeri sebagai entiti pelindung kedaulatan negeri, khususnya dalam hal ehwal Islam dan adat Melayu yang berakar kuat dalam identiti negeri. Kesemua langkah ini harus digerakkan dalam kerangka federalisme asimetri, yang bukan sahaja mengiktiraf keunikan sejarah, budaya dan institusi wilayah seperti Sabah, Sarawak, Johor dan Kelantan, tetapi juga mengekalkan keseimbangan dalam struktur persekutuan negara. Penstrukturan semula ini, jika dilaksanakan dengan konsisten dan berasaskan prinsip keadilan antara wilayah, akan membina sebuah sistem federalisme yang lebih seimbang, inklusif dan berdaya tahan, sejajar dengan tuntutan semasa negara berbilang identiti (Karmis & Norman, 2005b; Rozali et al., 2020; Watts, 2008).

Justeru, Perlembagaan perlu dikuatkuasakan dengan lebih konsisten, khususnya dalam bidang seperti agama, tanah dan adat istiadat. Ini akan memulihkan keyakinan rakyat terhadap autonomi negeri yang sah dari segi perundangan. Keadaan ini dapat mengurangkan pertindihan kuasa Persekutuan-Negeri serta meminimalkan ketegangan seperti dalam isu sekolah pondok atau enakmen syariah negeri.

5.2 Pembahagian Hasil Sumber dan Reformasi Ekonomi antara Pusat dan Negeri

Isu agihan hasil sumber kekal sebagai antara aspek paling kritikal dan kontroversial dalam hubungan antara kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia. Ketegangan yang berpanjangan berkaitan royalti petroleum, cukai jualan negeri serta hasil bumi lain memperlihatkan kewujudan jurang fiskal yang signifikan antara kedua-dua peringkat kerajaan. Ketidakeimbangan ini bukan sahaja mencerminkan kelemahan dalam pelaksanaan federalisme fiskal, malah menonjolkan kerapuhan struktur federalisme simetri yang terlalu menekankan keseragaman antara wilayah yang mempunyai keupayaan ekonomi dan keperluan pembangunan yang berbeza (Shah, 2007; Watts, 2008).

Dalam sistem federalisme simetri, pembahagian kuasa dan sumber lazimnya seragam antara wilayah bagi menjamin kesetaraan institusi dan fungsi pentadbiran (Riker, 1964; Volden, 2004; Wheare, 1964). Namun, pendekatan ini sering gagal mengakomodasi keperluan wilayah-wilayah yang memiliki latar sejarah, geografi dan ekonomi yang berbeza secara substantif, seperti Sabah dan Sarawak di Malaysia (Hutchinson, 2014; Ostwald, 2017). Justeru, pendekatan federalisme asimetri yang mengiktiraf kepelbagaian dan membenarkan penyesuaian dalam agihan kuasa dan sumber secara tidak seragam dilihat lebih sesuai dalam konteks negara pelbagai etnik dan wilayah seperti Malaysia (Agranoff & McGuire, 2001; Ahmad Tajudin & Mohamed Noor, 2021; Erk & Swenden, 2010; Mat Arifin & Othman, 2018).

Langkah kerajaan pusat meningkatkan royalti petroleum kepada negeri-negeri pengeluar seperti Sarawak dan Kelantan boleh ditafsirkan sebagai permulaan ke arah pengiktirafan prinsip asimetri dalam federalisme fiskal. Ini mencerminkan apa yang dikenali sebagai prinsip dwi federalisme atau "*coordinate federalism*" yang menekankan kebergantungan bersama dan bukan subordinasi antara pusat dan negeri (A. Young, 2001; Volden, 2004). Dalam konteks ini, reformasi fiskal bukan sekadar soal peningkatan peruntukan, tetapi harus menjurus kepada penginstitutionan mekanisme yang menjamin keadilan inter-wilayah.

Cadangan penubuhan Suruhanjaya Agihan Kewangan Persekutuan-Negeri yang bebas merupakan langkah penting ke arah pemantapan sistem pengagihan sumber yang lebih responsif dan adil. Suruhanjaya ini wajar berfungsi berdasarkan prinsip keperluan wilayah, prestasi pentadbiran dan keadilan fiskal, serta diberi kuasa menentukan formula agihan tanpa campur tangan politik. Model ini sejajar dengan saranan Ronald L. Watts (2008) dan Anwar Shah (2007) yang menekankan pentingnya autonomi fiskal bagi mengukuhkan kebertanggungjawaban negeri terhadap rakyatnya (Shah, 2007; Watts, 2008). Tambahan pula, ia dapat mengurangkan ketergantungan politik negeri kepada pusat dan memperkukuh daya tahan sistem federalisme Malaysia secara keseluruhan (Gooi Hsiao Leung et al., 2022; Loh, 2010; Md Khalid & Jalil, 2018).

Penubuhan suruhanjaya bebas agihan fiskal ini mampu mengelakkan amalan "balas dendam fiskal" terhadap negeri pembangkang seperti yang berlaku terhadap Kelantan, Terengganu, Kedah dan negeri lain. Malah, dapat mewujudkan agihan sumber yang adil serta berdasarkan keperluan sebenar negeri dan bukan semata-mata orientasi politik.

5.3 Pengukuhan Mekanisme Semak dan Imbang

Ketidakeimbangan kuasa yang wujud dalam sistem federalisme Malaysia menuntut pengukuhan mekanisme semak dan imbang yang lebih berkesan bagi memastikan autonomi negeri tidak digugat tanpa justifikasi perlembagaan yang sah. Faruqi (2008) menegaskan bahawa walaupun struktur federalisme Malaysia bersifat asimetrik dan sah dari sudut perlembagaan, keseimbangan kuasa antara pusat dan negeri hanya dapat

dikekalkan sekiranya institusi semak dan imbang seperti Mahkamah Persekutuan, Dewan Undangan Negeri dan badan penguatkuasaan undang-undang diperkukuh secara institusional (Faruqi, 2008; Muslim et al., 2015). Keberkesanan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) serta tuntutan autonomi oleh Sabah dan Sarawak memerlukan strategi jangka panjang yang melibatkan kerjasama antara negeri-negeri dalam membentuk mekanisme pemantauan dasar persekutuan (Chin Huat & Chin, 2011). Tanpa langkah-langkah ini, fleksibiliti yang sering dikaitkan dengan model federalisme Malaysia berisiko kekal sebagai konsep normatif semata-mata, tanpa perlindungan sebenar terhadap kepentingan negeri.

Peranan Mahkamah Persekutuan sebagai pengadil perundangan pusat-negeri harus diperluas secara substantif agar institusi ini dapat menjalankan fungsi adjudikatif dengan lebih bebas dan berkesan. Tanpa integrasi berfungsi antara badan kehakiman dengan institusi semak dan imbang lain, prinsip federalisme akan kehilangan substansinya dan menjadi simbolisme perlembagaan yang tidak bermakna (Faruqi, 2008). Institusi sedia ada seperti Majlis Raja-Raja dan Majlis Kewangan Negara juga perlu dimartabatkan semula daripada sekadar entiti simbolik kepada platform deliberatif yang menyelaras perundingan antara wilayah (Mokhtar et al., 2017; Muslim, 2014; Yaacob, 2017). Ini selari dengan keperluan kepada koordinasi dasar antara kerajaan pusat dan negeri melalui mekanisme berasaskan konsultasi, konsensus dan rundingan formal (Chin Huat & Chin, 2011; Loh, 2010; Md Khalid & Jalil, 2018). Justeru, bagi memastikan pelaksanaan MA63 benar-benar mencerminkan prinsip keadilan antara wilayah, kerangka semak dan imbang perlu disusun semula secara strategik agar sebarang ketegangan pentadbiran dapat ditangani secara adil, bebas dan telus (Chin Huat & Chin, 2011; Gawan & Puyok, 2021; Puyok, 2024).

Oleh itu, mahkamah perlu menjadi pengadil bebas dalam pertikaian Persekutuan-Negeri, dengan kuasa khas mengharmonikan peruntukan Persekutuan dan negeri seperti memberi laluan undang-undang kepada isu seperti MA63 atau hak syaria' Kelantan tanpa terlalu bergantung pada politik semasa.

5.4 Pendidikan dan Kesedaran Sivik

Pemantapan pendidikan sivik berkaitan federalisme merupakan asas penting ke arah pembentukan struktur persekutuan yang lebih seimbang dan inklusif. Dalam konteks Malaysia, pendidikan ini bukan sahaja perlu diarusperdanakan dalam kurikulum sekolah, malah harus diperluas kepada program latihan khusus bagi pegawai pentadbiran negeri agar kefahaman terhadap prinsip pembahagian kuasa dan autonomi negeri dapat diperhalusi pada pelbagai peringkat tadbir urus. Hal ini selaras dengan pandangan Ronald L. Watts (2008) yang menegaskan bahawa keberkesanan sesebuah sistem federal bergantung kepada literasi awam tentang struktur, fungsi dan batasan antara kuasa pusat dan negeri (T. O. Hueglin & Fenna, 2015; Watts, 2008).

Dalam kerangka federalisme asimetri, kesedaran sivik memainkan peranan penting untuk menyokong legitimasi keistimewaan tertentu yang diberikan kepada negeri-negeri tertentu seperti Sabah dan Sarawak. Tanpa pemahaman awam yang jelas, pelaksanaan model asimetri ini berisiko dilihat sebagai ketidakseimbangan atau ketidakadilan, sedangkan ia merupakan manifestasi prinsip pengiktirafan perbezaan yang sah dari sudut sejarah dan sosiopolitik (Burgess, 2006). Malah, Riker (1964) dan Elazar (1987) juga menyatakan bahawa keberhasilan federalisme memerlukan bukan sekadar struktur institusi, tetapi juga budaya politik yang menyokong nilai kerjasama, saling hormat dan kesamarataan antara entiti persekutuan (Elazar, 1985; George S. Blair, 1988; Riker, 1964; Volden, 2004).

Platform dialog antara negeri dan Persekutuan perlu diwujudkan secara berterusan sebagai ruang interaksi politik yang sihat dan mekanisme pendidikan tidak formal kepada rakyat dalam memahami isu-isu federalisme (Gooi Hsiao Leung et al., 2022; Yeoh, 2019). Inisiatif seperti ini mampu menangkis risiko manipulasi naratif oleh elit politik sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri yang boleh mengaburkan objektif sebenar desentralisasi. Justeru, pendidikan sivik mengenai federalisme tidak boleh bersifat 'ad hoc' atau normatif semata-mata, tetapi mesti dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh dalam rangka pembinaan masyarakat federal yang inklusif dan demokratik.

Kefahaman awam terhadap struktur dan fungsi federalisme amat penting bagi mengelakkan naratif anti-federal serta perbalahan antara pentadbiran Persekutuan-Negeri yang boleh mencetuskan ketegangan etnik dan wilayah. Ini dapat mengurangkan manipulasi politik terhadap isu tertentu seperti MA63 selain dapat membina perpaduan berasaskan kefahaman struktur persekutuan yang sah.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, federalisme di Malaysia terbentuk melalui gabungan warisan sejarah kolonial dan kompromi politik pascakemerdekaan yang membentuk struktur persekutuan berciri fleksibel serta menggabungkan unsur simetri dan asimetri secara serentak. Keunikan ini tercermin menerusi pengiktirafan terhadap bentuk autonomi tertentu kepada negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak dan Johor, yang menunjukkan keperluan menyesuaikan kerangka persekutuan dengan konteks sejarah, budaya, dan geografi wilayah. Meskipun pendekatan federalisme fleksibel ini menawarkan

potensi dalam mengurus kerencanan wilayah, pelaksanaannya masih terbelenggu oleh dominasi pusat, ketidakseimbangan agihan sumber dan penghakisan autonomi negeri yang membawa kepada ketegangan pusat-negeri serta kebangkitan sentimen anti-federal. Artikel ini berhujah bahawa tanpa mekanisme semak dan imbang yang berkesan serta pelaksanaan prinsip federalisme fiskal yang adil, integriti sistem federalisme akan terus terancam. Maka, reformasi menyeluruh perlu dilaksanakan merangkumi pengukuhan institusi perundangan antara kerajaan, penstrukturan semula pembahagian kuasa, pelaksanaan reformasi fiskal berdasarkan keperluan wilayah, serta pendidikan sivik yang berterusan. Dalam kerangka teori federalisme simetri-asimetri, keadilan tidak semestinya ditafsir sebagai keseragaman, sebaliknya menuntut keupayaan sistem menyesuaikan dasar dengan realiti tempatan. Dengan memperkukuh rundingan antara wilayah, meningkatkan kesedaran sivik dan memupuk solidariti persekutuan, Malaysia berpotensi membina satu model federalisme yang bukan sahaja stabil secara politik tetapi juga adil secara struktural serta relevan dalam konteks geopolitik rantau ini.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan semua pihak yang terlibat atas sokongan yang diberikan sehingga penulisan ini diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Penulisan ini ditulis oleh Muhaymin Hakim bin Abdullah sebagai penulis utama mulai dari tajuk hinggalah rujukan serta dibantu oleh penulis bersama dari segi pengumpulan data kajian literatur dan semakan penulisan.

Rujukan

- A. Young, E. (2001). Dual Federalism, Concurrent Jurisdiction, and the Foreign Affairs Exception. *The George Washington Law Review*, 69(2), 139–188. https://scholarship.law.duke.edu/faculty_scholarship/1882/
- A.Aziz, S. (2021). *Evolusi Perlembagaan Negeri: Perbandingan antara Itqan al-Muluk bi Ta'dil al-Suluk dan Perlembagaan Persekutuan*. 1–15. <https://melayu.library.uitm.edu.my/4678/>
- Abas, M. S. (2015). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah, M., & Jaes, L. (2024). Fleksibiliti Federalisme dalam Monarki Dunia : Perbandingan Empat Negara. *Human Sustainable Procedia*, 4(1), 57–68. <https://doi.org/https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.01.006>
- Abdullah, Mohd Suhaimy, K. A., Abdullah, M. A., & Damin, Z. A. (2021). Johor Military Force (JMF): The Only Royal Security Force in Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(2), 704–710. <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i2.925>
- Abdullah, N., & Zahrin, Z. (2005). Pembahagian Kuasa Fiskal Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Negeri, 1990–2001. In *Sejarah* (Vol. 13, Issue 13, pp. 175–221). <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol13no13.8>
- Agranoff, R., & McGuire, M. (2001). American Federalism and the Search for Models of Management. *Public Administration Review*, 61(6), 671–679. <https://doi.org/10.1111/0033-3352.00179>
- Ahmad Bustami, T. A. (2018). Islam and Shariah Offences in Malaysian Constitutional Framework: Issues and Challenges. *International Conference of ASEAN Prespective and Policy (ICAP)*, 1(1), 153–162. <https://jurnal.pancabudi.ac.id/index.php/ICAP/article/view/286>
- Ahmad Khasasi, M. Z., Salleh, A. D., & Yahaya, Mohammad Zaini Samsudin, M. A. (2019). Kedudukan Dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2), 34–45.
- Ahmad Tajudin, A. A., & Mohamed Noor, M. N. (2021). Budaya politik federal: Memikirkan federalisme Malaysia dari perspektif normatif. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48(2), 138–163. <https://www.researchgate.net/publication/354021770%0ABUDAYA>
- Ahmad Tajudin, A. A., Mohamed Noor, M. N., & Yusri Zawawi, H. (2021). Dari Federalisme Terpusat ke Federalisme Multi-etnik: Pengaruh Etnisiti dalam Persekutuan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 26–37. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1139>
- Ahmad Tajudin, A. A., & Yusoff, M. A. (2020). Challenges of the Multinational Federation: The Case of Malaysia, 2008–2020. *Intellectual Discourse*, 28(02–2020), 649–673. <https://doi.org/10.33383/2020-2>
- Badr Alsamee, E. M. (2019). *Distribution of Powers Between Federal Government and Local Governments : a Critical Analysis of the Iraqi Constitution 2005 Distribution of Powers Between Federal Government and Local Governments : a Critical Analysis of the Iraqi Constitution 2005 Docto* (Issue October 2018) [Universiti Utara Malaysia]. <https://etd.uum.edu.my/8739/>
- Bala, B. (2018). Satu Daripada Tiga Belas: Sabah Dan Sarawak Dalam Pembentukan Malaysia, 1961–1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 3(2), 13–52. <https://doi.org/10.51200/jba.v3i2.1622>

- Benz, A., & Colino, C. (2011). Constitutional Change in Federations-A Framework for Analysis. *Regional and Federal Studies*, 21(4-5), 381-406. <https://doi.org/10.1080/13597566.2011.578886>
- Brock, K. L. (2005). *Accords and Discord: the Politics of Asymmetrical Federalism and Intergovernmental Relations* (Vol. 2005, Issue 8). http://www.iigr.ca/browse_publications.php?section=43
- Brown, D. (2005). Who's Afraid of Asymmetrical Federalism ? In *Queen's University Asymmetry Series* (Vol. 2005, Issue 17). <http://www.iigr.ca/>
- Burgess, M. (2006). Comparative Federalism: Theory and Practice. In *The SAGE Handbook of Comparative Politics*. Routledge. <https://doi.org/10.4135/9780857021083.n23>
- Caliso, R. A. C. S., & Flores, S. R. E. (2018). *Federal Governments Around the World: A Comparative Perspective* (No. 18-002; RSN-PCC Working Paper). https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3256110
- Carrière, S. A. (2021). The Emergence of a Normative Principle of Co-operative Federalism and its Application. *Alberta Law Review*, 1951, 897. <https://doi.org/10.29173/alr2655>
- Chin Huat, W., & Chin, J. (2011). Malaysia: Centralized federalism in an Electoral One-Party State. In *Varieties of Federal Governance: Major Contemporary Models* (pp. 208-231). Foundation Books. <https://doi.org/10.1017/UP09788175969209.013>
- Deller, S. C., & Maher, C. S. (2006). A model of asymmetries in the flypaper effect. *Publius: The Journal of Federalism*, 36(2), 213-229. <https://doi.org/10.1093/publius/pjj005>
- Dewan Rakyat. (1993). *Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Ketiga, Jilid III* (Bil. 25).
- Dollah, R., Joko, E. P., Sakke, N., Salleh, S., & Rashid, M. F. (2018). Hubungan Persekutuan-Negeri Di Sabah Pasca PRU14: Prospek, Isu Dan Cabaran. *Jurnal Kinabalu*, 351-381. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/1655>
- Ebegbulem, J. C. (2011). Federalism and the politics of resource control in Nigeria : A critical analysis of the Niger Delta crisis. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 1(12), 218-229.
- Elazar, D. J. (1985). Constitution-making: The Pre-eminently Political Act. In *The Politics of Constitutional Change in Industrial Nations* (pp. 232-248). Palgrave Macmillan UK. https://doi.org/10.1007/978-1-349-06991-0_9
- Erk, J., & Swenden, W. (2010). New Directions in Federalism Studies. In *Routledge Taylor & Francis Group*. Routledge Taylor & Francis Group. <https://doi.org/10.4324/9780203865439-8>
- Esa, M. S., & Ationg, R. (2020). Reaksi Penduduk Sabah Terhadap Pembentukan Malaysia: Suatu Perbandingan Dulu dan Kini. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 123-130. <https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-08>
- Faruqi, S. S. (2008). *Document of Destiny: The Constitution of the Federation of Malaysia*. Star Publications (Malaysia).
- Gagnon, A.-G. (2009). *Contemporary Canadian Federalism: Foundations, Traditions, Institutions*. University of Toronto Press. <https://doi.org/https://doi.org/10.3138/9781442687721-010>
- Gamkhar, S. (2000). Is the Response of state and Local Highway Spending Symmetric to Increases and Decreases in Federal Highway Grants. *Public Finance Review*, 28(1), 3-25. <https://doi.org/https://doi.org/10.1177/109114210002800101>
- Gawan, F. M., & Puyok, A. (2021). Sarawak dan Federalisme Di Bawah Kepimpinan Adenan Satem, 2014-2017. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 1-14. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1048>
- George S. Blair. (1988). Book Reviews: Exploring Federalism By Daniel J. Elazar. *The Journal of Politics*, 50(2), 530-532. <http://www.jstor.org/stable/2131811>
- Ghazali, A. Z. (2019). Cabaran Institusi Beraja di Malaysia dari Dahulu Hingga Kini (Challenges of the Monarchical Institution in Malaysia from Past to Present). *Bicara@Muzium, Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara*, 1-38. <http://www.jmm.gov.my/ms/content/cabaran-institusi-beraja-di-malaysia-dari-dahulu-hingga-kini>
- Gooi Hsiao Leung, Beng, O. K., & Wah, F. L. K. (2022). *Enabling Decentralisation and Improving Federal-State Relations in the Federation of Malaysia*.
- Greer, S. L., Béland, D., Lecours, A., & Dubin, K. A. (2023). Putting Federalism in Its Place : The Territorial Politics of Social Policy Revisited. In *University of Michigan Press* (1st ed.). University of Michigan Press. <https://doi.org/10.3998/mpub.12237580>
- Hamilton, A., Jay, J., & Madison, J. (2021). *The Federalist Papers (The Project Gutenberg eBook)*. Project Gutenberg. <https://www.gutenberg.org/ebooks/1404>
- Harding, A. (2012). Malaysia: Religious pluralism and the constitution in a contested polity. *Middle East Law and Governance*, 4(2-3), 356-385. <https://doi.org/10.1163/18763375-00403007>
- Harding, A. (2021). *Asymmetric Federalism and Protection of Indigenous Peoples: The Case of Sabah and Sarawak in Malaysian Federalism*. 50 Shades of Federalism. <https://50shadesoffederalism.com/case-studies/asymmetric-federalism-and-protection-of-indigenous-peoples-the-case-of-sabah-and-sarawak-in->

- malaysian-federalism/
- Hueglin, T. (2003). Federalism at the crossroads: Old meanings, new significance. *Canadian Journal of Political Science*, 36(2), 275–294. <https://doi.org/10.1017/s0008423903778639>
- Hueglin, T. O., & Fenna, A. (2015). Comparative Federalism: A Systematic Inquiry. In *Gastronomía ecuatoriana y turismo local*. (2nd ed.). University of Toronto Press.
- Hutchinson, F. E. (2014). Malaysia's Federal System: Overt and Covert Centralisation. *Journal of Contemporary Asia*, 44(3), 422–442. <https://doi.org/10.1080/00472336.2013.878374>
- Hutchinson, F. E. (2015). Centre–State Relations and Intra-Party Dynamics in Malaysia: UMNO and the Case of Johor. *Asian Journal of Political Science*, 23(3), 1–23. <https://doi.org/10.1080/02185377.2015.1055774>
- Ismail, M. A., & Yusoff, M. A. (2022a). Anti-Federal Sentiment in Sabah and its Impact on Malaysian Politics. *Akademika*, 92(3), 237–249. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-18>
- Ismail, M. A., & Yusoff, M. A. (2022b). Xenophobia And Anti-Federal Sentiment In Sabah And Its Impact On Malaysian Federalism. *Journal of Southeast Asian Studies*, 27 (1)(June 22), 66–87.
- Ismail, & Yusoff. (2022c). Asymmetrical federalism and anti-federal sentiment in Malaysia: The Sabah experience. *E-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 19(7), 34–51. <https://journalarticle.ukm.my/21059/>
- Johon, A., & Puyok, A. (2022). Pilihan Raya Negeri Sabah Ke-16: Sokongan Terhadap Parti STAR Dan Perspektif Politik Etnik Kadazandusun. *Trends in Undergraduate Research*, 5(1), h9-19. <https://doi.org/10.33736/tur.4063.2022>
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Analisis Trend Pengundian Berdasarkan Kaum Di Kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal E-Bangi*, 5(1), 26–37. chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/97604614/junaidi010-libre.pdf?1674311551=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3DAnalisis_Trend_Pengundian_Berdasarkan_Ka.pdf&Expires=1713469537&Signature
- Kamali, M. H. (2000). Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments. In *International Institute of Advanced Islamic Studies* (Vol. 4). <https://doi.org/10.1163/221129898x00071>
- Kamil, K. (2017). *Askar Timbalan Setia Negeri Johor 130 Tahun Setia Berkhidmat.pdf* (K. Kamil (ed.); Pertama). Yayasan Warisan Johor.
- Karmis, D., & Norman, W. (2005a). The Revival of Federalism in Normative Political Theory. In *Theories of Federalism: A Reader* (pp. 3–21). Palgrave Macmillan. https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-1-137-05549-1_1
- Karmis, D., & Norman, W. (2005b). *Theories of Federalism: A Reader*. Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1007/978-1-137-05549-1>
- Kimura, & Rikuo. (2017). *The Rise of a Generation of Young Leaders, the “New Malays”: Malaysia in 1993*. Institute of Developing Economies. <https://ir.ide.go.jp/records/38881>
- Lim, D. Y. (1995). *Johore Military Forces 1885-1995*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Loh, F. K. W. (2010). Restructuring Federal-State Relations in Malaysia: From Centralised to Co-operative Federalism? *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*, 99(407), 131–140. <https://doi.org/10.1080/00358531003656180>
- Mat Arifin, F., & Othman, N. (2018). The Dynamic of Policymaking Process in Malaysia. *International Journal of West Asian Studies*, 10(7), 74–84. <https://doi.org/10.22583/ijwas.2018.10.01.07>
- McIntosh, T. (2023). Bilateral Federalism, Value-Based Healthcare and the Future of Canadian Intergovernmental Diplomacy on Health. *Healthcare Policy*, 18(4), 26 – 42. <https://doi.org/10.12927/hcpol.2023.27095>
- Md. Khalid, R., A. Ghani, M. A. A., Jalaludin, M. Z., Ab Rahman, S., & Yaacub, N. A. (2021). Waqaf Air dan Isu Perundangan di Malaysia. *Islāmiyyāt*, 43(Isu Khas), 165–172. <http://journalarticle.ukm.my/17991/1/48474-157279-1-PB.pdf>
- Md Khalid, R., & Jalil, F. (2018). Theories of Federal-State Relationship. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat, Special Issue*, 115–127. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-08>
- Megat Latif, H., & Abdullah, C. A. (2008). Islam dalam Perlembagaan Malaysia : Kewajarannya berdasarkan Faktor Kesultanan Melayu. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 1–12.
- Mohamed Osman, M. N., & Ali, R. (2018). Localising Victory: GE 14 and The Electoral Contests in Johor and Kelantan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45 (2)(December), 367–385.
- Mohd Basri, M. A. F., & Haron, H. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*. Muzium Negara, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Rus, A. K. A. (2017). Malayan Union dan Persekutuan 1948. *Seminar Guru Sejarah: Pemantapan Dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih Dalam Sukatan Tingkatan 5, 10-11 August 2017, Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*, 1–42. <https://eprints.um.edu.my/17835/>

- Mohd Sabree, N. (2018). Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 1(1), 77–90. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JLG/article/view/267/232>
- Mohd Tayeb, A., & Syed Annuar, S. N. (2018). Federalisme dan Pengurusan Pendidikan Islam di Kelantan. *Kajian Malaysia*, 36(2), 89–111. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.5>
- Mokhtar, M. S., Akmal Azmi, M. A., & Mansor, S. (2017). Sejarah Perkembangan Majlis Raja-Raja Melayu. *Prosiding Seminar 120 Tahun Majlis Raja-Raja Melayu, September*, 1–15.
- Muslim, N. (2013). Peranan Raja dalam Memelihara Islam. *Seminar Pendidikan Sejarah Dan Geografi, 2013*, 29–30.
- Muslim, N. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam memelihara kedudukan Islam dari sudut Perlembagaan. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu (Iman)*, 2(2), 121–127.
- Muslim, N., Jalil, F., Musa, N., Mokhtar, K. A., & Md Khalid, R. (2015). Malaysia Federalism - Issues And Acceptance. *Australian Journal of Sustainable Business and Society*, 1(1), 109–118.
- Mustajab, M. S. (1989). An Early History of the Johore Military Forces (JMF) or the Timbalan Setia Negeri (TSN) 1885-1915. In *Malaysia Dari Segi Sejarah* (pp. 49–57). Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nurhafilah Musa. (2013). Adakah Federalisme Penghalang kepada Pelaksanaan Syariah di Malaysia. *Sciences*, 8(2), 1–17.
- Ong, G. S. (1999). *Persepsi Generasi Muda Terhadap Institusi Raja-Raja Melayu*. Universiti Malaya.
- Ostwald, K. (2017). Federalism without decentralization power consolidation in Malaysia. *Journal of Southeast Asian Economies*, 34(3), 488–506. <https://doi.org/10.1355/ae34-3d>
- Paquin, S. (2023). La Réforme Inachevée: Le Fédéralisme Canadien Et Le Rôle Des Provinces Dans Les Négociations Internationales. *Revue Québécoise de Droit International Quebec Journal of International Law*. <https://doi.org/https://doi.org/10.7202/1087960ar>
- Perlembagaan Persekutuan. (2022). *Perlembagaan Persekutuan* (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (ed.)). International Law Book Services.
- Pierson, P. (2000). Increasing Returns, Path Dependence, and the Study of Politics. *American Political Science Review*, 94(2), 251–267. <https://doi.org/10.2307/2586011>
- Puyok, A. (2024). Autonomy in Sarawak and Sabah: Different Paths and Diverging Outcomes. In *Trends in Southeast Asia*.
- Rahim, Ayub, Anuar, Hamid, Talha, Myeor, Saad, Abu, & Hashim. (2020). Krisis Perlembagaan Perak 2009 dan Kesan Terhadap Perpaduan Nasional. *Journal of Defence Manangement, Social Sciene & Humanities*, 66–73. <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/article/view/49/48>
- Ramli, A. R. (2018). *Johor Darul Ta'zim an Abode of Dignity*. Penerbit UTM Press.
- Riker, W. H. (1964). The Origin and Purposes of Federalism. In *Federalism: Origin, Operation, Significance* (pp. 11–48). Little, Brown and Company.
- Ronald L., W. (2007). The Federal Idea and its Contemporary Relevance. In *Institute of Intergovernmental Relations Queen's* (Issue October 2006).
- Rozali, E. A., Othman, M. H., & Ismail, N. K. (2020). Pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah dalam Pentadbiran Islam di Negeri Johor pada Abad ke-19 oleh Sultan Abu Bakar (1862-1895) dan Sultan Ibrahim (1895-1959). (The Influence of the Ottoman Empire in Islamic Administration in the State of Johor in the 19th Centur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 65–82. <http://www.bitarajournal.com>
- Saiful Siring, M., & Govindasamy, A. R. (2018). Sabah Sarawak Keluar Malaysia (Sskm): Hala Tuju Selepas Pru-14. *Jurnal Kinabalu*, 411. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1657>
- Sanjaume-calvet, M. (2016). Federalismo, Liberalismo Y Consenso Solapado. El Caso Canadiense (Federalism, Liberalism and Overlapping Consensus. The Canadian Case.). *Revista d'Estudis Autonomics i Federals*, 23, 115–159. <https://doi.org/DOI.10.2436/20.8080.01.4>
- Satyanarayana, B. H. (2011). The theory of federalism. *International Journal of Current Research*, 3(12), 210–213. <http://www.journalcra.com/article/theory-federalism>
- Shah, A. (2007). *A Practitioner's Guide to Intergovernmental Fiscal Transfers* (pp. 1–54). World Bank Institute Learning Resources Series. <https://doi.org/0-8213-6930-0>
- Shamsuddin Ahmad, Kamarul Afizi Kosman, Syukri Yeoh Abdullah, & Mohd Nazim Abdul Gaman. (2019). Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan Sebagai Satu Keunikan Identiti Warisan Bangsa. *Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan Sebagai Satu Keunikan Identiti Warisan Bangsa*, 3(December), 271–278. <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/143>
- Shuaib, F. S. (2012). The Islamic Legal System in Malaysia. *Washington International Law Journal*, 21(1), 85.
- Simeon, R. (1999). Adaptability and Change in Federations. *International Conference on Federalism Mont-Tremblant, October*, 1–7. https://www.forumfed.org/document/adaptability-and-change-in-federations/?utm_source=chatgpt.com
- Simeon, R. (2011). Preconditions and Prerequisites- Can Anyone Make Federalism Work. In *The Federal Idea*

- Essays in Honour of Ronald L. Watts* (pp. 207–224). Institute of Intergovernmental Relations.
- Sinclair, K. (1967). The British Advance in Johore, 1885-1914. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 40(1 (211)), 93–110. <http://www.jstor.org/stable/41491908>
- Sisters in Islam, Justice for Sisters, & Legal Dignity. (2024). *Analysis of the Kelantan Syariah Criminal Offences Enactment*. <https://sistersinislam.org/wp-content/uploads/2023/08/Analysis-of-the-Kelantan-Syariah-Criminal-Offences-Enactment-.pdf>
- Sour, L. (2013). The Flypaper Effect in Mexican Local Governments. *Estudios Económicos*, 28(1), 165–186. <https://www.redalyc.org/articulo.oa?id=59727431005>
- Tang Abdullah, A. R., Bala, B., & Mulia, P. A. (2019). Perjanjian Malaysia 1963: Kerangka Perundangan dalam Gagasan Malaysia dan Proses Dekolonialisasi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 4(1), 117–139. <https://doi.org/10.51200/jba.v4i1.1974>
- Tang Abdullah, A. R., & Mulia, P. A. (2018). Isu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) Dan Hak Autonomi Sabah Dan Sarawak Dalam Konteks Sejarah Dan PRU-14 (Issues of the Malaysia Agreement 1963 (MA63) and the Autonomy Rights of Sabah and Sarawak in the Historical Context and GE-14). *Jurnal Kinabalu, Edisi Khas*, 291–317. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1653>
- Tarr, G. A. (2011). Symmetry and Asymmetry in American Federalism. In *The Federal Idea: Essays in Honour of Ronald L. Watts* (p. 169). Institute of Intergovernmental Relations. https://scholar.google.co.uk/scholar?start=460&q=polysystems+theory&hl=en&as_sdt=0,5#13
- Tunku Sulaiman, T. S. (2014). The Johore Military Forces: The Oldest Army of Malay Regulars in the Peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 77(2), 95–105.
- Volden, C. (2004). Origin, Operation, and Significance: The Federalism of William H. Riker. *Publius: The Journal of Federalism*, 34(4), 89–107. <https://doi.org/10.1093/oxfordjournals.pubjof.a005055>
- Wan Husain, W. A. F. (2017). *Kerangka Konseptual Islam*. 5(2), 43–50.
- Wan Husain, W. A. F. (2018). Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi (The Concept of the Sovereignty of the Malay Rulers According to the Indigeneity Framework). *Jurnal Undang-Undang Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka (KANUN)*, 30 KANUN ((Januari), 40–70. <https://core.ac.uk/display/297645867>
- Wan Zahari, W. M. Z., & Shuaib, F. S. (2020). The Distribution of Petroleum Resources in Malaysia: Unpacking Federalism. *Journal of World Energy Law and Business*, 13(5–6), 369–385. <https://doi.org/10.1093/jwelb/jwaa040>
- Watts, R. L. (2005). A Comparative Perspective on Asymmetry in Federations. *Asymmetric Federalism Series*, 2005(4), 1–7.
- Watts, R. L. (2008). *Comparing Federal Systems* (3rd editio). McGill-Queen's University Press.
- Wee, C. H. (2022). Malaysia's Management of Petroleum Resources. *Regime Resilience in Malaysia and Singapore*, November 2, 161–175. https://doi.org/https://doi.org/10.1142/9789811268663_0011
- Wheare, K. C. (1964). *Federal Government* (Fourth Edi). New York Oxford University Press.
- Yaacob, A. M. (2017). Institusi Raja di Tanah Melayu. *Prosiding Seminar 120 Tahun Majlis Raja-Raja Melayu*, 1–18. <http://www.jmm.gov.my/files/INSTITUSI RAJA DI TANAH MELAYU.pdf>
- Yeoh, T. (2019). *Reviving the Spirit of Federalism: Decentralisation Policy Options for a New Malaysia* (No. 59; Issue April). <https://www.ideas.org.my/publications-item/policy-ideas-no-59-reviving-the-spirit-of-federalism-decentralisation-policy-options-for-a-new-malaysia/>
- Yunus, A. R. (2022). Dekolonisasi British Di Malaya Dan Borneo Menuju Jalan Penubuhan Malaysia, 1955-1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 7(1), 1–12. <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4123>
- Yusof, M. F. (2001). *Peluasan Kuasa Kerajaan Persekutuan Ke Atas Kerajaan Negeri Mengikut Sistem Federalisme Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakwa, N. Z., & Sulaiman, A. N. (2023). Proses Pembubaran DUN: Amalan Autonomi Bahagian dalam Sistem Persekutuan di Malaysia Pasca PRU-14. *Journal of Ethnic and Diversity Studies (JOEDS) Volume 1, Issue 1*, 1(1).
- Zawawi, H. Y. (2018). *Politik Federalisme: Kajian Kes Royalti Minyak Kelantan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.